

Dr. M kecewa AMM tolak KL jadi Sekretariat ASEAN+3

KUALA LUMPUR 31 Julai -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir kecewa dengan keputusan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) menolak tawaran Malaysia untuk menubuhkan Sekretariat ASEAN+3 di sini.

Beliau kesal kerana negara anggota ASEAN lain gagal mencapai persetujuan mengenai kepentingan menubuhkan sekretariat berasingan daripada yang sedia ada di Jakarta.

"Ya, kita sangat kecewa kerana negara lain tidak berminat menubuhkan sekretariat. Bagaimanapun, kita akan terus memperjuangkan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Utamakan Keluarga -- Semakin Hari Semakin Sayang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga semasa lawatan jemaah menteri ke kementerian itu, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai kegagalan Menteri-Menteri Luar ASEAN yang bermesyuarat di Bandar Seri Begawan untuk mencapai konsensus mengenai tawaran Malaysia bagi menubuhkan Sekretariat ASEAN+3 di Kuala Lumpur.

AMM semalam sebaliknya memutuskan supaya sekretariat itu hanya dijadikan sebuah unit di bawah Sekretariat ASEAN di Jakarta.

Dr. Mahathir menolak kemungkinan tanggapan sesetengah pihak bahawa penubuhan sekretariat ASEAN+3 akan menjejaskan fungsi sekretariat induk sedia ada.

"Tidak, saya tidak fikir begitu. ASEAN ialah ASEAN dan ini ialah ASEAN+3," katanya.

Mengenai kemungkinan negara ASEAN lain melihat cadangan Kuala Lumpur sebagai terlalu drastik, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa jika itu menjadi pandangan mereka.

ASEAN+3 merupakan kerjasama 10 anggota ASEAN dengan negara Jepun, Korea Selatan dan China.

Malaysia dilaporkan membuat tawaran menaja RM38 juta untuk membiayai kos lima tahun pertama operasi sekretariat tersebut di sini.